

Bayaran bantuan bulanan JKM bagi Mei 2022 diawalkan sempena Aidilfitri

April 19, 2022 @ 2:58pm



PUTRAJAYA: Bayaran bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi Mei 2022 akan dikreditkan kepada penerima mulai 25 April hingga 30 April ini.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memaklumkan bayaran bantuan bulanan itu dipercepatkan sempena Aidilfitri yang akan disambut tidak lama lagi.

Bayaran bantuan bagi Jun 2022 akan dikreditkan pada tarikh asal iaitu antara 1 Jun hingga 10 Jun, katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

KPWKM berharap bayaran yang diawalkan itu dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh penerima.– BERNAMA